



PENGAJARAN ISRA' & MI'RAJ

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ
أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah *Subhanahu wa-Ta'ala* dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah *Subhanahu wa-Ta'ala* di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah *Subhanahu wa-Ta'ala*,

Sesungguhnya, bulan Rejab merupakan salah satu daripada bulan haram yang mempunyai kedudukan yang istimewa dalam Islam. Ulamak berpandangan bahawa pada



bulan inilah berlakunya peristiwa Isra' dan Mikraj. Kepentingan peristiwa ini dapat dilihat dengan jelas, sehingga dijadikan salah satu daripada nama surah dalam al-Quran.

Isra' dan Mikraj bukanlah satu sambutan semata-mata. Sebaliknya, ia merupakan satu mukjizat ke atas Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam, yang sarat dengan pengajaran untuk dihayati. Allah Subhanahu wa-Taala berfirman dalam Surah al-Isra' ayat pertama:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

سُبْحَانَ الَّذِي أَسْرَى بِعَبْدِهِ لَيْلًا مِّنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى

الْمَسْجِدِ الْأَقْصَا الَّذِي بَرَكْنَا حَوْلَهُ لِنُرِيَهُ مِنْ آيَاتِنَا إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ

الْبَصِيرُ ﴿١﴾

Yang bermaksud: *Maha Suci Allah yang telah menjalankan hamba-Nya (Muhammad) pada malam hari dari Masjid Al-Haram (di Makkah) ke Masjid Al-Aqsa (di Palestin), yang*



Kami berkati sekelilingnya, untuk memperlihatkan kepadanya tanda-tanda (kekuasaan dan kebesaran) Kami. Sesungguhnya Allah jualah yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala,

Antara pengajaran daripada peristiwa Isra' dan Mikraj, ialah kepentingan untuk bersuci dan menjaga kebersihan. Sebelum dibawa menaiki Buraq, Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam terlebih dahulu telah dibelah dadanya untuk dicuci kalbu jantungnya. Inilah sikap yang dipandang ringan oleh sebahagian umat Islam, apabila mengabaikan kebersihan khasnya sebelum mendirikan solat di masjid. Walaupun terdapat banyak galakan seperti berwudu', membersihkan gigi dan berwangi-wangian, tetapi masih ada yang tidak menghormati masjid dengan tidak menjaga kebersihan, badan dan mulut yang berbau disebabkan rokok atau makanan, serta tidak mencuci tandas selepas menggunakannya. Marilah kita bersama-sama memuliakan



ibadah dan masjid, dengan menjaga kebersihan, agar amal ibadah kita lebih dipandang oleh Allah Subhanahu wa-Taala .

Peristiwa Isra' dan Mikraj juga telah menghubungkan umat Islam dengan masjid ketiga terpenting dalam agama, yang juga merupakan kiblat pertama, iaitu al-Masjid al-Aqsa yang terletak di Palestin. Walaupun secara logik akal, adalah lebih mudah sekiranya Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam dimikrajkan terus ke langit dari Makkah, tetapi ada hikmah mengapa baginda singgah ke bumi para anbiya' Baitul Maqdis terlebih dahulu. Zaman sekarang, bumi yang sedang dijajah oleh kerajaan haram Zionis itu semakin dilupakan. Umat Islam lebih mengenali nama daerahnya dalam bahasa Yahudi, berbanding nama Arabnya. Ada juga yang tidak mengenali al-Masjid al-Aqsa. Bahkan ada yang tidak simpati ke atas nasib warga Palestin yang dirampas kampung halaman mereka oleh penjajah haram Israel. Maka dengan memperingati kisah perjalanan Isra' dan Mikraj ini, mudah-mudahan umat Islam semakin cakna dengan perkembangan yang berlaku di Palestin dan mengambil peranan untuk memberikan sumbangan ke arah pembebasan al-Quds.



Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala,

Dalam peristiwa Mikraj, semasa singgah di setiap langit, Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam telah bertemu dengan Rasul yang terdahulu. Setiap Rasul rasa gembira dan mengiktiraf kedudukan Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam sebagai utusan terakhir yang dimuliakan. Inilah kemuliaan yang Allah berikan kepada Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam. Malangnya, umat Baginda khasnya kita yang berada di akhir zaman ini memandang remeh mengenai kepentingan mencintai Nabi. Bukti yang paling jelas, ialah berapa ramai antara kita yang berselawat semasa mendengar nama Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam disebut? Berapa ramai antara kita yang menjadikan amalan banyak berselawat pada hari Jumaat sebagai kelaziman? Bagaimana mungkin kita layak mendapat syafa'at Baginda di akhirat kelak sekiranya masih tidak berputik rasa cinta kepada Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam ?



Selain itu, waktu ibadah solat juga difardukan secara langsung daripada Allah Subhanahu wa-Taala semasa Nabi Muhammad Sallallahu ‘Alaihi Wasallam berada di Sidratul Muntaha. Betapa pemurah dan sayangnya Allah Subhanahu wa-Taala kepada kita, sehingga mengekalkan pahala 50 kali ganda solat, walaupun dikurangkan bilangannya daripada 50 waktu ke 5 waktu sahaja. Dalam Sahih Muslim, Nabi menyatakan yang Allah telah berfirman:

‘Wahai Muhammad! Sesungguhnya aku fardukan lima waktu sehari semalam. Setiap solat fardu dilipatgandakan dengan sepuluh kali ganda. Maka itulah lima puluh solat fardu. Begitu juga barang siapa yang berniat, untuk melakukan kebaikan tetapi tidak melakukannya, nescaya akan dicatat baginya satu kebaikan. Jika dia melaksanakannya, maka dicatat sepuluh kebaikan baginya. Sebaliknya barang siapa yang berniat ingin melakukan kejahatan, tetapi tidak melakukannya, nescaya tidak dicatat baginya sesuatupun.’

Sempena dengan penghayatan Isra’ dan Mikraj, marilah kita bersama-sama berusaha menjadi umat Islam yang soleh,



agar menjadi hamba yang bernilai di sisi Allah Subhanahu wa-Taala. Jagalah kebersihan, cintailah al-Aqsa, perbanyaklah berselawat ke atas Nabi Sallallahu ‘Alaihi Wasallam, dan jagalah solat pada setiap waktu.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَإِذْ قُلْنَا لَكَ إِنَّ رَبَّكَ أَحَاطَ بِالنَّاسِ وَمَا جَعَلْنَا الرُّءْيَا الَّتِي أَرَيْنَاكَ إِلَّا فِتْنَةً
لِّلنَّاسِ وَالشَّجَرَةَ الْمَلْعُونَةَ فِي الْقُرْآنِ وَنُحُوفِهِمْ فَمَا يَزِيدُهُمْ إِلَّا طُغْيَانًا كَبِيرًا



Yang bermaksud: “Dan (ingatlah) ketika Kami wahyukan kepadamu (Wahai Muhammad), bahawa sesungguhnya Tuhanmu meliputi akan manusia (dengan ilmunya dan kekuasaan-Nya; dan tiadalah Kami menjadikan pandangan (pada malam Mikraj) yang telah Kami perlihatkan kepadamu melainkan sebagai satu ujian bagi manusia; dan (demikian juga Kami jadikan) pokok yang dilaknat di dalam Al-Quran; dan Kami beri mereka takut (dengan berbagai-bagai amaran) maka semuanya itu tidak menambahkan mereka melainkan dengan kekufuran yang melampau.”



بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ، وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا
فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ
الْعَلِيْمُ، أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوْهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِيْنَ وَيَا نَجَاةَ
التَّائِبِيْنَ.